

01/11/2000

Enam pemenang Formula Malaysia terima hadiah

ENAM pemenang Formula Malaysia (FM) kategori esei peringkat sekolah rendah dan menengah adalah antara yang akan menerima hadiah masing-masing daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Grand Lagoon Ballroom, Hotel Sunway Resort, Bandar Sunway, Kuala Lumpur, malam ini.

Mereka ialah pemenang pertama bagi kategori sekolah rendah iaitu Muhammad Faizal Razali dari Sekolah Kebangsaan (Lelaki) Bukit Bintang, Petaling Jaya Selangor.

Tempat kedua ialah Izaidi Yazid, dari SK Merlimau, Melaka, dan ketiga Intan Aida dari SK Kampung Sawah, Bukit Pelandok, Negeri Sembilan.

Manakala bagi kategori sekolah menengah pula, pemenang pertama ialah Suhaimi Mohd Nasir, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sertik, Karak, Pahang.

Tempat kedua ialah Nur Aishah Saupi, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Melati, Hulu Klang, Selangor dan ketiga Tuan Zaharinie Tuan Zahari dari Kampung Raja, Pasir Puteh, Kelantan.

Peraduan Formula Malaysia yang dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 15 September tahun lalu adalah resipi unik yang dilaksanakan sejak merdeka untuk membina dan mengubah Malaysia kepada sebuah negara moden.

Formula yang berteraskan slogan 'Malaysia Boleh' itu dianjurkan oleh KUB Malaysia (KUB) dan hadiah ditaja oleh beberapa syarikat korporat.

Antara syarikat yang terbabit dalam kempen itu ialah Malaysia Resources Corporation Bhd (MRCB), Edaran Otomobil Nasional Bhd, YTL Corporation Bhd, Kumpulan Sungei Way, Southern Bank Berhad, Sapura Group of Companies dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Formula Malaysia dibahagi kepada beberapa kategori iaitu penulisan esei, mengarang cerpen, mencipta logo, melukis, fotografi dan mereka cipta laman web.

Peraduan yang berakhir pada 30 Jun lalu itu menyediakan sebanyak RM2.4 juta hadiah wang tunai yang membabitkan setiap kategori pertandingan.

Pemenang peraduan esei peringkat sekolah rendah, pemenang pertama menerima RM5,000, kedua (RM3,500), ketiga (RM1,500) dan 10 pemenang sugu hati menerima RM200 setiap seorang.

Bagi kategori sekolah menengah pula, RM7,000 bakal dimiliki pemenang pertama, RM5,000 (kedua), RM5,000 (ketiga) dan RM200 untuk 10 pemenang sugu hati.

(END)